

Akuarium dan Muzium Marin UMS Catat 61,423 Pelawat Sepanjang 2018

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 25 Januari 2019 11:02 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 330

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 25 JANUARI – Akuarium dan Muzium Marin Universiti Malaysia Sabah (AMUMS) mencatatkan 61,423 kehadiran pengunjung sepanjang tahun 2018.

Menurut kurator AMUMS, Flora Anne Asalin, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan

sebanyak 60% berbanding 38,163 pelawat pada tahun 2017.

“Daripada jumlah tersebut, 52,263 adalah pelawat warganegara, 8,476 pelawat antarabangsa dan selebihnya adalah tetamu rasmi universiti, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) serta warga UMS sendiri,” katanya dalam satu kenyataan.

Ujar beliau, peningkatan kehadiran pelawat itu juga menunjukkan Akuarium dan Muzium Marin UMS terus menjadi pilihan sebagai salah satu destinasi pelancongan apabila berada di Kota Kinabalu.

“Tiket masuk bagi orang dewasa warganegara Malaysia ialah RM10, manakala kanak-kanak dan pelajar berumur empat hingga 17 tahun serta warga emas hanya dikenakan bayaran RM5.

“Bagi pengunjung warganegara asing, tiket masuk ialah RM20 bagi orang dewasa, manakala kanak-kanak, pelajar dan warga emas RM10,” jelas Flora.

Beliau berkata, para pengunjung turut mengambil kesempatan singgah ke Kedai Cenderahati Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS bagi membeli barang kenang-kenangan sebagai tanda mata.

“Turut dijual di sini ialah tiket memancing dan riadah di Jeti UMS,” ujarinya.

AMUMS yang dikendalikan di bawah IPMB dibuka kepada orang ramai pada setiap hari kecuali Ahad dan cuti umum bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.